

01 SEP 2002

PPP-Kerusi/I

PPP MAHU DAPATKAN SEMULA JUMLAH ASAL KERUSI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), yang pernah memperolehi lapan kerusi parlimen dan 18 kerusi dewan undangan negeri, mahu mendapatkan semula jumlah itu dan yakin mampu memenanginya dalam pilihan raya umum akan datang.

"Pemuda PPP mahu presiden parti (Datuk M.Kayveas) dan anggota majlis tertinggi merayu kepada pemimpin BN agar jumlah kerusi yang pernah disandang oleh PPP pada tahun 1960an dikembalikan kepada parti ini," kata Ketua Pemuda PPP T. Murugiah pada perhimpunan agung tahunan Pemuda PPP di sini, hari ini.

Beliau berkata cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membuat persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi kerusi parlimen dan negeri akan mewujudkan 29 kerusi baru parlimen dan 59 kerusi baru negeri dan sejajar dengan itu PPP wajar diberi peluang bertanding di kawasan yang baru diwujudkan ini.

Selain itu, Pemuda PPP juga meminta agar Kayveas diberi jawatan menteri penuh dan pemimpin lainnya diberi pengiktirafan sewajarnya dengan melantik mereka menjadi ahli majlis daerah dan perbandaran.

"Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik presiden kami sebagai senator dan timbalan menteri (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), tetapi jika dibandingkan dengan anggota parti komponen lain yang dilantik sebagai menteri, presiden PPP juga berhak mendapat penghormatan ini," katanya semasa berucap pada perhimpunan agung tahunan pemuda PPP di sini hari ini.

Mengulas permintaan Pemuda PPP itu pada sidang media kemudian, Kayveas berkata sudah tiba masanya jumlah kerusi tersebut dikembalikan kepada PPP kerana parti itu berpendapat "ia mampu mengendalikannya".

"Ada parti komponen BN yang berkata mereka tidak mahukan kerusi dan kami sedia terima apa yang diberikan kepada kami, kami tahu kami boleh memberi sumbangan," katanya.

Bagaimanapun, Kayveas berkata PPP menyerahkan kepada Dr Mahathir yang juga pengerusi BN untuk membuat keputusan mengenai perkara itu.

Mengulas permintaan yang dikemukakan oleh Pemuda PPP berhubung pengagihan kerusi pada pilihan raya umum akan datang, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein yang hadir pada sidang media itu berkata perkara itu perlu dibincangkan oleh pemimpin tertinggi BN.

"Sekarang kita mempunyai lebih banyak kerusi dan saya rasa ia mencukupi untuk menggembirakan setiap orang," katanya.

-- BERNAMA

SR AT HS SP NAK